

# 15 sertai Latihan Sangkutan Pelajar Diplomat

Um 20.5.2015 26

**KOTA KINABALU 19 Mei** - Seramai 15 orang penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menyertai program Latihan Sangkutan Pelajar Diplomat ke Kementerian Luar yang dijangka bermula Ogos ini.

Program anjuran kementerian terbabit menyaksikan kumpulan penuntut UMS yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan bidang pengajian akan ditempatkan di Wisma Putra sepanjang tempoh latihan berkenaan.

Untuk itu, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman menyampaikan

watikan pelantikan kepada penuntut terlibat sempena Program Seranta dan Diplomasi Awam: Forum Perjanjian Malaysia 1963 Siri II yang diadakan di Kompleks Dewan Kuliah Pusat, UMS dekat sini baru-baru ini.

Melalui latihan sangkutan itu, pelajar 'diplomasi' akan mempelajari kemahiran serta latihan komunikasi, penampilan diri, penyampaian dan kemahiran lain.

Ini bagi membolehkan mereka memahami dan mempraktikkan etika-etika apabila berdepan dengan

delegasi antarabangsa selain mempelajari selok-belok dunia global.

Sempena forum berkenaan, Anifah yang juga Ahli Parlimen Kinamanis bertindak sebagai pemudah cara dan telah mencadangkan agar sebuah jawatankuasa khas diwujudkan bagi mengkaji tuntutan atau hak rakyat Sabah.

Beliau memberitahu, jawatankuasa khas itu perlu membincangkan isu-isu penting termasuk 'Perkara 20' yang antara lain menyentuh isu bahasa, 'Borneonisasi'

dan isu kewangan negeri.

Antara panel yang terlibat dalam forum itu ialah bekas Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bingkor, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan dan penyarah UMS, Dr. Ramzah Dambul.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Jainab Ahmad Ayid; Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Mohd. Arifin Mohd. Arif dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.